




**JABATAN WARISAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
SENARAI CADANGAN PERISYTIHARAN WARISAN KEBANGSAAN**



Kategori : **Warisan Tidak Ketara**
Bidang : **Seni Persembahan**
Subjek : **Teater**
Objek Warisan : **MEK MULUNG**

Latar Belakang :

Mek Mulung merupakan suatu adunan kesenian tradisional yang menggabungkan unsur-unsur lakonan, nyanyian, tarian, muzik dan lawak sebagai seni persembahan. Ia dikatakan

berasal dari Ligor, Siam dan diperkenalkan di negeri Kedah ketika berlakunya persengketaan diantara Kedah dan Siam. Tempat ia mula-mula sekali diperkenalkan ialah di Kampung Perit, Mukim Kurung Itam, Jajahan Kuala Nerang. Seterusnya ia berkembang ke Kampung Belukar Mulung, Kampung Paya Keladi dan akhirnya di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah.

Asal namanya adalah dari perkataan 'mek' iaitu panggilan kepada gadis-gadis. Sementara perkataan 'mulung' pula ialah nama hutan tempat bermulanya persembahan ini. Mek Mulung merupakan salah satu daripada teater tradisional masyarakat Melayu yang amat popular di Wang Tepus, Negeri Kedah. Ia telah menjadi hiburan rakyat di negeri itu sejak zaman dahulu lagi. Mek Mulung merupakan satu adunan kesenian yang menggabungkan unsur-unsur lakonan, nyanyian, tarian, muzik dan lawak dalam satu persembahan.

Persembahan Mek Mulung berdasarkan kepada cerita-cerita hikayat yang asalnya mempunyai 20 hikayat namun yang sering dimainkan adalah cuma lima (5) hikayat iaitu Lakon Afrit, Batak Putih, Cahaya Bulan, Malim Bongsu dan Dewa Muda. Mek Mulung mempunyai keistimewaannya yang tersendiri berikutan kepelbagaian gerak, muzik, lakon dan ceritanya. Meskipun seimbis lalu persembahannya kelihatan begitu mudah, tetapi ia tetap mempunyai struktur persembahan dan keunikan yang tinggi nilainya.

Justifikasi :

- Semakin pupus;
- Perlu dipulihara untuk pengetahuan/pemahaman generasi akan datang; dan
- Mempunyai pertalian seni budaya serantau.